

NO. SOALAN : 77

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN
BUJANG**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 77

YB Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mengawal perairan Laut China Selatan di Sarawak dari pencerobohan nelayan asing dan berapa banyak tangkapan bot nelayan asing sejak Januari 2017 hingga sekarang bagi negeri Sarawak sahaja.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Malaysia Coast Guard (Maritim Malaysia) amat memandang serius masalah pencerobohan nelayan asing di kawasan perairan Negara khususnya negeri Sarawak. Oleh yang demikian, terdapat beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Agensi bagi memastikan semua aset dapat beroperasi sepanjang masa seperti berikut:

- a) Pada masa kini *Malaysia Coast Guard* (MCG) telah meningkatkan rondaan dan kehadiran dengan mengoperasikan 6 buah vesel setiap hari bagi Wilayah Maritim Sarawak sebagai langkah untuk mengawal isu pencerobohan bot nelayan asing disamping mengekalkan 70% kesiapsiagaan aset sedia beroperasi pada setiap masa;
- b) *Malaysia Coast Guard* juga menjalankan kerjasama dengan Jabatan Perikanan Negeri Sarawak bagi menangani kegiatan mencuri hasil tangkapan laut milik negara. Justeru, isu berkaitan pencerobohan bot nelayan asing di laut dapat ditangani dengan lebih berkesan berdasarkan maklumat yang terkini dan tepat;
- c) *Malaysia Coast Guard* juga telah menerima sebuah kapal kelas OPV (*Offshore Patrol Vessel* - Kapal Peronda Luar Pantai) daripada kerajaan Jepun iaitu KM ARAU yang mana telah ditempatkan di Jeti Kota Kinabalu, Sabah. Penerimaan kapal ini membolehkan *Malaysia Coast Guard* menzahirkan kehadiran di laut dalam satu jangka masa yang panjang dan mengoptimumkan pengoperasian di perairan Laut China Selatan khususnya perairan Sarawak bagi mengawal kegiatan pencerobohan bot nelayan asing;

- d) Selain itu, pengawasan melalui udara juga terus dilaksanakan bagi mengesan pencerobohan bot nelayan asing yang memasuki perairan negara dari semasa ke semasa; dan
- e) *Malaysia Coast Guard* juga menyahut seruan kerajaan dengan melaksanakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bersama-sama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti TLDM, PDRM, Kastam, Jabatan Laut, Jabatan Perhutanan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Jabatan Taman laut, dan Petronas bagi meningkatkan keberkesanan keselamatan di perairan Sarawak.

Berdasarkan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan sebanyak 14 tangkapan bot nelayan asing telah dibuat sepanjang tahun 2017 ini dengan perincian seperti jadual berikut:

SIRI	BOT (NEGARA)	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUMLAH
1	VIETNAM	2	0	0	0	8	4	14

Sekian, terima kasih.